




MetaTrader 5



MAC PANDUAN PENGGUNA

MetaTrader 5 pada Mac

Platform rasmi MetaTrader 5 yang dibangunkan oleh MetaQuotes boleh digunakan untuk Windows dan peranti mudah alih serta peranti macOS.

Walaupun kebanyakan broker hanya menawarkan panduan pemasangan biasa, yang menunjukkan proses penyediaan MT5 yang memakan masa di Mac, Tickmill memberi anda peluang untuk bermula dengan platform perdagangan paling popular di dunia yang dihantar terus di Mac anda, hanya dalam beberapa saat.

Apa yang terkandung di dalamnya?

Tickmill menyediakan platform MetaTrader 5 untuk Mac anda yang hampir sama dengan aplikasi Windows yang biasa.

Perisian ini mengandungi banyak ciri-ciri dan fungsi yang berguna, termasuklah:

- ❑ 6 jenis pesanan tertunda
- ❑ 21 rangka masa
- ❑ Lebih daripada 50 indikator disediakan
- ❑ Pelbagai jenis carta
- ❑ Kemampuan pemasangan indikator tersuai
- ❑ Perdagangan satu klik
- ❑ Penyesuaian penuh
- ❑ Kedalaman Pasaran


Kini anda boleh memanfaatkan semua ciri tambahan ini, melalui proses pemasangan sekali, yang semudah aplikasi lain yang terdapat di luar App Store.

Pemasangan pada Mac


Panduan ini akan menerangkan dengan cepat cara pemasangan, penggunaan dan penyingkiran MetaTrader 5 pada Mac. Anda perlu membenarkan aplikasi dimuat turun di luar App Store, untuk memasang platform dengan jayanya.

Lakukan begini:

1. Sebelum melancarkan MT5 untuk Mac, pergi ke **System Preferences** dengan menaipkan arahan berkaitan di carian **Spotlight** anda, yang terletak di panel kanan atas pada skrin anda.




2. Apabila berada di **System Preferences**, akses **Security & Privacy**, kemudian pilih tab **General** dan benarkan aplikasi dimuat turun dari mana sahaja. Selain itu, pastikan anda membenarkan keupayaan untuk membuat perubahan. Anda boleh melakukan ini dengan mengklik pada kekunci di sudut bawah dengan menaip nama pengguna dan kata laluan anda.



3. Langkah seterusnya ialah mencari pemasang Meta Trader 5.dmg Selalunya, semua item muat turun baharu akan diletakkan di dalam **Downloads folder**.

Lancarkan fail pemasangan **.dmg**, dan apabila fail .dmg ditekan, seret dan lepaskan ikon aplikasi Meta Trader 5 ke dalam folder **Applications**. Ini akan menamatkan proses pemasangan.



Sekarang Meta Trader 5 anda sedia untuk diakses dari folder Applications. Anda juga boleh mengakses terminal baharu anda dengan menggunakan **Spotlight** dan taipkan 'MetaTrader 5'.


Kemas kini Perisian

Perisian Meta Trader 5 kami dikemas kini secara automatik. Proses ini berjalan serentak dengan kemas kini versi Windows yang biasa. Selepas setiap kemas kini terminal ditutup tanpa pemberitahuan - lancarkan aplikasi sekali lagi dan terus gunakan versi yang dikemas kini.


Untuk melihat perisian MetaTrader 5 versi terkini anda, klik pada tab **Help**, yang terdapat di panel navigasi atas, dan pilih pilihan **About**, seperti yang anda lakukan di MT5 untuk Windows.

Penasihat Pakar untuk Mac

- Untuk memasang alat tambahan seperti Penasihat Pakar (EA), indikator dan skrip tersuai; buka folder **Applications**, klik kanan pada ikon aplikasi dan pilih **Show Package Contents**.



- Sekarang anda boleh melihat keseluruhan kandungan fail aplikasi. Klik dua kali pada 'drive_.' untuk ke struktur MetaTrader 5, kemudian pergi ke **Program Files > MetaTrader 5 > MQL5 > Expert > Indicators**, etc. dan salin-tampal indikator tersebut dalam folder berkenaan.



Setelah selesai, mulakan semula MetaTrader 5 anda dan cari indikator baharu di dalam panel MT5 EA berkaitan.

Nyahpasang Perisian


Sekiranya anda ingin menyingkirkan perisian dari komputer anda, ini boleh dilakukan dengan mudah. Sebenarnya, prosesnya tidak berbeza daripada penyingkiran aplikasi lain.

Pertama, cari folder **Applications** dalam Finder. Ini boleh dilakukan dengan menggunakan sama ada **Spotlight** atau terus ke folder **Applications** dengan mengklik ikon Finder pada Dock.

Ketika di dalam folder **Applications**, cari aplikasi **Metatrader 5**, **right-click** padanya dan pilih pilihan '**Move To Bin**', kemudian **left click** untuk mengesahkan.

Setelah aplikasi dipindahkan ke sampah, anda boleh menyingkirkannya secara kekal dengan menavigasi ke Sampah dan menggunakan klik kanan untuk melaksanakan arahan '**Empty Trash**'.

Menyingkirkan aplikasi dari Sampah tidak akan meninggalkan kesan Meta Trader 5 pada komputer anda.



Ralat dan Isu yang Diketahui

Pada masa ini, tidak ada isu yang diketahui berkaitan dengan terminal perdagangan untuk Mac. Sekiranya anda mengalami apa-apa masalah, beritahu kami dengan menghubungi pasukan [Sokongan](#) kami yang berdedikasi, dan kami akan menyelesaikannya dengan segera.

Notis Penting

Kami secara peribadi telah menguji aplikasi MetaTrader 5 untuk Mac dan belum menemui masalah fungsi yang boleh menjadikan perdagangan di terminal Mac OS lebih bertaraf rendah daripada versi Windows.

Walaupun begitu, berdagang dengan aplikasi yang ditiru adalah atas risiko anda sendiri. Kami sangat mengesyorkan agar anda membiasakan diri dengan fungsi perisian di [Demo account](#), dan pastikan aplikasi berjalan seperti yang diharapkan pada komputer Mac anda.